

02

Flipped Classroom dalam Pembelajaran Lisan

Alia Moreta


alia_moreta@moe.edu.sg

Sekolah Menengah Zhonghua

Abstrak

Kaedah *Flipped Classroom* merupakan pembelajaran berpusatkan pelajar, selaras dengan sistem pendidikan abad ke-21 yang menitikberatkan pelibatan pelajar secara aktif. Berbeza dengan pengajaran dan pembelajaran (PdP) tradisional, kaedah *Flipped Classroom* memberi para pelajar ruang untuk membina pengetahuan di rumah atau di luar bilik darjah sebelum mengikuti pelajaran di kelas. Bahan pengajaran ini disediakan oleh guru dalam bentuk *ICT*. Penerapan teknologi maklumat dan komunikasi (*ICT*) dalam *Flipped Classroom* yang sesuai dapat memperkasakan para pelajar untuk bertanggungjawab atas pembelajaran mereka. Justeru, masa di kelas dapat dimanfaatkan oleh pelajar untuk menyertai aktiviti-aktiviti interaktif yang telah dirancang oleh guru. Kajian ini melibatkan pelajar Menengah 1 Ekspres untuk pengajaran lisan dengan menggunakan aplikasi *Padlet* dan Kod QR. Berdasarkan dapatan kajian, para pelajar telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dalam pembelajaran secara sendiri dan pencapaian akademik dalam komponen lisan.

Kata Kunci: *Flipped Classroom*, sendiri, teknologi maklumat dan komunikasi, lisan, keberkesanan



PENGENALAN

Berpandukan Rangka Kerja untuk Kecekapan Abad ke-21 dan Hasil Pelajar, pihak sekolah menyediakan pengalaman pembelajaran yang akan membangunkan kesedaran sendiri, sahsiah diri yang kukuh, bakat, kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk menghadapi cabaran yang mendatang. Para pelajar dibentuk untuk menjadi pelajar yang bertanggungjawab akan pembelajaran sendiri, berani mengajukan soalan, sentiasa melakukan refleksi dan tabah mendukung semangat untuk belajar. Keterampilan dalam ICT juga merupakan satu kriteria penting dalam sistem pendidikan abad ke-21.

Pada tahun 2017, Sekolah Menengah Zhonghua telah melaksanakan program 'Bahasa Melayu, Gunakanlah dengan Yakin' untuk semua pelajar, khususnya dalam komponen lisan bagi pelajar menengah 1. Bagi menjayakan program ini, kaedah *Flipped Classroom* telah dijalankan. Kaedah *Flipped Classroom* telah dipilih kerana ia berteraskan pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan pelajar. Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam *Flipped Classroom* telah memperkasakan kemahiran bertutur di samping mendorong para pelajar untuk terlibat secara aktif dalam pembelajaran.

PERNYATAAN MASALAH

Kajian ini meninjau keberkesanan kaedah *Flipped Classroom* dalam membentuk pelajar yang mempunyai arah sendiri dan menjadi penyumbang yang aktif, selaras dengan nilai teras kemahiran abad ke-21. Hal ini kerana menerusi kaedah *Flipped Classroom*, para pelajar telah membuat persediaan di rumah dengan mengakses bahan pembelajaran secara dalam talian yang disediakan oleh guru. Waktu di kelas pula dimanfaatkan untuk berbincang dan melakukan kerja berkumpulan dengan bimbingan guru. Kaedah ini dapat mewujudkan pembelajaran secara interaktif dan kolaboratif di dalam kelas.

Terdapat pelbagai alat ICT yang dapat digunakan untuk kaedah *Flipped Classroom*. Kesan penggunaan ICT dapat menjadikan proses pembelajaran lebih aktif dan mewujudkan suasana pembelajaran yang interaktif, kreatif serta menyeronokkan. Kajian ini akan membincangkan penggunaan beberapa alat ICT seperti Kod QR dan *Padlet* yang dapat digunakan untuk kaedah *Flipped Classroom*, khususnya dalam pengajaran lisan.



TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:


1. melihat keberkesanan kaedah *Flipped Classroom* dalam membentuk pelajar untuk menjadi penyumbang aktif dan mempunyai arah sendiri;
2. mengenal pasti alat teknologi dan program ICT yang sesuai digunakan untuk kaedah *Flipped Classroom*; dan
3. meninjau kemahiran pelajar dalam komponen lisan.

KAJIAN LEPAS

Hasil dapatan kajian Pang dan Yap (2014) yang bertajuk, *The Flipped Classroom Experience*, menunjukkan bahawa kaedah *Flipped Classroom* memperolehi respons yang positif daripada pelajar dan hasil pembelajaran tercapai seperti yang diharapkan. Mereka turut menekankan kepentingan menjelaskan kepada para pelajar terlebih dahulu dan memberikan tumpuan kepada hasil pembelajaran menggunakan *Flipped Classroom* dengan menerangkan terlebih dahulu prosedur pelaksanaan kaedah *Flipped Classroom* sebelum sesi pengajaran dimulakan.

Berdasarkan kajian *Study Assess Effectiveness of Flipped Classroom* yang dilakukan oleh para pengkaji di Universiti *George Mason*, kekuatan kaedah *Flipped Classroom* terletak pada tumpuan yang diberikan kepada para pelajar semasa melakukan sesuatu tugas di kelas. Keberkesanan kaedah *Flipped Classroom* termasuk pencapaian akademik seperti yang dihasilkan oleh pelajar-pelajar *Amy Kilmer* dan *Ed Ventry* di *Niagara Falls High School* dalam mata pelajaran Matematik pada tahun 2013. Para pelajar telah menyelesaikan tugas di rumah sambil menonton video yang telah disediakan oleh *Kilmer* dan *Ventry*. Justeru, perbincangan mengenai topik dapat dijalankan secara lebih efektif antara guru dengan pelajar di dalam kelas.

Menurut kajian yang dijalankan oleh *Cara A. Marlowe* (2012) dalam kajiannya yang bertajuk *The Effect of the Flipped Classroom on Student Achievement and Stress*, berkenaan keberkesanan kaedah *Flipped Classroom* terhadap pencapaian dan kadar stres pelajar, para pelajar didapati mempunyai kadar stres yang lebih rendah serta pencapaian akademik yang lebih baik dalam tempoh kaedah *Flipped Classroom* dijalankan.



KAEDAH KAJIAN

Kajian kuantitatif telah dipilih memandangkan matlamat utama kajian ini adalah untuk memantau sejauh mana penggunaan kaedah *Flipped Classroom* berjaya menggalakkan pembelajaran sendiri. Mutu tugas para pelajar juga telah dipantau dan dinilai sejauh mana keberkesanan kaedah yang digunakan ini.

Subjek Kajian

Kumpulan sasaran awal program ini merupakan pelajar menengah 1 Ekspres. Mereka mempelajari subjek Bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda dan mempunyai penguasaan bahasa yang pelbagai.


Para pelajar telah menghasilkan tugas secara individu. Mereka turut diberikan peluang untuk melakukan aktiviti perbincangan berkumpulan dan melakukan penilaian rakan sebaya.

Instrumen Kajian

Guru telah menerapkan beberapa wahana teknologi untuk membolehkan pembelajaran dilakukan oleh pelajar dan memantau pelibatan dan pembelajaran mereka. Kajian ini menggunakan aplikasi ICT yang menggunakan program *Padlet*. Kod QR juga digunakan bagi menyediakan satu saluran maklumat yang harus digunakan pelajar.

Satu naskhah buku kecil yang mengandungi maklumat berkaitan topik perbincangan dan arahan-arahan tertentu bagi setiap aktiviti telah dibina oleh pengkaji. Ia juga menyediakan ruang catatan bagi respons pelajar dan maklum balas terhadap keseluruhan pengajaran.

Penggunaan telefon bimbit sebagai alat pembelajaran juga diterapkan dalam kajian ini. Pelajar akan merakam suara mereka dan akan mengirimkan hasil rakaman itu secara langsung kepada guru atau memuatnaikkan ke aplikasi *Padlet*. Bahan rakaman ini dijadikan bahan bukti perkembangan kemahiran lisan pelajar.



Prosedur Kajian

Kajian ini telah dijalankan dalam enam waktu pengajaran (35 minit untuk setiap waktu pengajaran) di kelas dan selama 1 jam di rumah termasuk taklimat, berkaitan penilaian rakan dan rakaman akhir. Sebelum kajian ini dijalankan, pelajar telah didedahkan kepada cara penggunaan aplikasi ICT *iaitu Padlet* dan Kod QR.

Temu bual secara tidak formal telah dijalankan untuk mendapatkan maklum balas para pelajar. Soalan-soalan yang dikemukakan adalah untuk meninjau keberkesanan kaedah *Flipped Classroom* dan penggunaan alat ICT *iaitu Padlet* dan Kod QR.

Para pelajar menjawab soalan-soalan berikut:


1. Sejauh manakah kaedah *Flipped Classroom* memberikan manfaat kepada anda?
2. Bagaimanakah kaedah *Flipped Classroom* membantu anda dalam menjawab soalan lisan?
3. Apakah yang anda suka tentang penggunaan aplikasi *Padlet* dan Kod QR?

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan pemantauan dan pemerhatian guru, para pelajar menunjukkanelibatan yang positif semasa melakukan aktiviti-aktiviti yang dirancang oleh guru. Rakaman suara yang dihasilkan oleh para pelajar menunjukkan respons yang sungguh memberangsangkan. Para pelajar dapat menjawab soalan lisan komponen perbualan dengan lebih yakin dan mendalam. Mereka telah memanfaatkan penggunaan alat teknologi yang digunakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

Maklum balas yang telah diberikan oleh pelajar adalah positif. Ulasan-ulasan positif yang diberikan adalah seperti berikut:

1. Saya telah berpeluang untuk menonton video dan membuat penyelidikan di rumah dahulu sebelum melakukan aktiviti-aktiviti yang selanjutnya di kelas. Oleh itu, saya berasa lebih yakin semasa melakukan aktiviti-aktiviti tersebut.



2. Semasa menghasilkan tugas dalam aplikasi *Padlet* di kelas, saya dapat bertanya kepada guru saya serta berbincang dengan rakan-rakan mengenai tugas tersebut.
3. Penggunaan aplikasi *Padlet* telah memudahkan saya menyusun idea saya dengan baik. Idea-idea ini dapat membantu saya dalam menghasilkan skrip yang terperinci dan menarik.
4. Aplikasi *Padlet* dan Kod QR mudah diakses. Justeru, saya dapat melakukan tugas saya tanpa sebarang masalah.

KESIMPULAN

Persoalan kajian adalah untuk melihat sejauh mana kaedah *Flipped Classroom* dapat meningkatkan kemahiran pelajar dalam pembelajaran secara sendiri khususnya dalam komponen lisan. Berdasarkan pemantauan dan penilaian guru, para pelajar menunjukkan sikap yang positif terhadap semua tugas yang diberikan. Para pelajar dapat memberikan jawapan yang terperinci, tersusun dan menarik. Keyakinan diri dan kesungguhan mereka semasa melakukan tugas di kelas terserlah kerana telah menonton video serta melakukan penyelidikan yang lain dahulu di rumah.

Seterusnya, kaedah *Flipped Classroom* akan diperkenalkan kepada peringkat-peringkat yang lain serta komponen yang pelbagai.

RUJUKAN

Marlowe, Cara A. (2012). *The Effect of the Flipped Classroom on Student Achievement and Stress*. <https://scholarworks.montana.edu/xmlui/handle/1/1790>

Pang, N. K., & Yap, K. T. (2014). *The Flipped Classroom Experience*. <http://ieeexplore.ieee.org/document/6816779/>

Study Assess Effectiveness of Flipped Classroom (n.d.). (2014) Retrieved from http://www.educationworld.com/a_curr/case-studies-effectiveness-flipped-learning-classroom.shtml

